

TARIKH: 6/9/23  
SURAT KHABAR: ufusan Malaysia  
MUKA SURAT: 9.

## Malaysia berpengalaman dalam latihan tenaga kerja

**KUALA LUMPUR:** Malaysia diiktiraf sebuah negara berpengalaman dalam latihan dan pembangunan tenaga kerja dengan skor indeks 0.70 tahun lepas.

Dapatan itu hasil kajian laporan Indeks Latihan Nasional (NTI) 2022 yang dibangunkan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) dengan kerjasama badan perwakilan yang meliputi kerajaan, golongan akademik, organisasi penyelidikan dan pakar industri.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, banyak inisiatif diambil oleh kerajaan dan agensi yang berkaitan dalam latihan dan pembangunan modal insan.

Bagaimanapun, katanya, terdapat banyak perkara yang boleh dilaksanakan dalam soal pembangunan latihan dan modal insan.

Katanya, ini termasuk bersedia dengan trend global yang sentiasa berubah sekali gus me-

merlukan latihan yang lebih berfokus kepada teknologi tinggi.

"Seperti mana dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kita juga mahu mencapai tahap 35 peratus tenaga mahir sebelum tahun 2030.

"Dan kita juga tahu bahawa kebelakangan ini ada banyak isu sentiasa dibangkitkan misalnya *miss-match*. Oleh itu, latihan dan pembangunan kita laksana itu, semestinya sesuatu yang benar diperlukan oleh industri," katanya selepas melancarkan NTI dan dan NTI Report 2022 di sebuah resort di sini.

Sementara itu, Sivakumar berkata, program automotif sedia ada di bawah penyedia latihan seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) sudah beralih kepada program melibatkan kenderaan elektrik (EV).

Katanya, perubahan kepada penggunaan EV sesuatu yang tidak boleh dielakkan kerana ia adalah trend di seluruh dunia.

Dalam Negeri: Rabu (6/9/23)  
ufusan Malaysia: ms 9.